



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

Telefon: 203722
Kawat : PERDANA

Ruj. Kami: PM(S) 10712 Jld. III

Tarikh: 23 Disember 1981

SURAT PEKELING AM BIL. 14 TAHUN 1981

Ketua- Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua-Ketua Badan Berkanun.

Waktu Standard Malaysia, Waktu Pejabat
dan Waktu Majlis Rasmi Malam

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah membuat keputusan untuk menggunakan satu waktu standard bagi seluruh negara iaitu 8 jam mendahului GMT mulai dari 1 Januari 1982. Oleh itu tahun baru 1982 akan bermula seperti biasa pada jam 12.00 tengah malam waktu Sabah dan Sarawak, tetapi pada jam 11.30 malam waktu Semenanjung sekarang pada 31 Disember 1981. Berikutan dengan itu waktu pejabat mengikut waktu standard adalah ditetapkan seperti berikut:-

A. Semenanjung

(a) Bagi negeri-negeri dimana cuti
mingguannya pada hari Ahad -

Hari bekerja penuh - 8.00 pagi hingga
4.15 petang

Hari bekerja separuh - 8.00 pagi hingga
12.45 tengahari.

Waktu makan/rihat - 12.45
tengahari (kecuali
hari Jumaat)
hingga 2.00
petang
pada hari
bekerja penuh.

- Waktu makan/rihat - 12.15 tengahari
tengahari pada hari
Jumaat hingga 2.45
petang.
- (b) Bagi negeri-negeri dimana cuti
mingguannya pada hari Jumaat -
- Hari bekerja penuh - 8.00 pagi
hingga 4.00
petang.
- Hari bekerja separuh - 8.00 pagi
hingga 12.45
tengahari.
- Waktu makan/rihat - 12.45 tengahari
tengahari hingga 2.00
petang pada
hari bekerja
penuh.

B. Sabah dan Sarawak

Waktu pejabat adalah sama seperti sekarang ini
iaitu -

- Hari bekerja penuh - 8.00 pagi hingga
4.15 petang.
- Hari bekerja separuh - 8.00 pagi hingga
12.45 tengahari.
- Waktu makan/rihat - 12.45 tengahari
tengahari (kecuali
hari Jumaat) hingga 2.00
petang pada hari
bekerja penuh.
- Waktu makan/rihat - 11.30 pagi hingga
tengahari pada hari
Jumaat 2.00 petang.

2. Selaras dengan pelaksanaan waktu standard Malaysia, Kerajaan juga telah memutuskan supaya majlis-majlis rasmi malam bagi Wilayah Persekutuan tidak dimulakan lebih awal daripada jam 8.30 malam untuk membolehkan orang-orang yang beragama Islam menunaikan fardhu Maghrib terlebih dahulu. Bagi negeri-negeri pula, prinsip yang sama hendaklah digunakan apabila menetapkan waktu bermula majlis-majlis rasmi malam.

3. Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan adalah dikehendaki mematuhi peraturan ini mulai 1 Januari 1982. Dengan ini Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 1980 bertarikh 21 Oktober 1980 adalah dimansuhkan, dan tindakan akan diambil bagi meminda seksyen-seksyen mengenai waktu bekerja dalam Perintah-perintah Am Bab 'G', Lampiran 'D' Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1977, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1977, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1978, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1978 dan lain-lain pekeling, surat pekeling atau surat arahan yang mengandungi peruntukan mengenai waktu bekerja.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara.

s.k:

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.